Media: Sinar Harian Date: 03 May 2021

AMB tawar hadiah RM20,000 kepada pelanggan berkongsi hidangan raya

SHAH ALAM – Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) mengambil langkah proaktif membantu komuniti yang memerlukan untuk membuat persediaan sempena sambutan hari raya melalui sumbangan RM20,000 kepada Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM).

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan AMB, Tomoharu Abe berkata, AMB berharap inisiatif Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto dapat meringamkan beban masyarakat yang memerlukan serta menceriakan sambutan raya pada tahun ini.

"Covid-19 masih berleluasa dalam kalangan masyarakat kita dan memasak di rumah telah menjadi norma dan keperluan baharu dalam setiap keluarga.

"AMB menggalakkan orang ramai untuk menyertai 'Kongsi Resipi, Kongsi Rezeki' melalui perkongsian hidangan raya istimewa yang menyelerakan di Facebook/Instagram," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Sebelum ini, Abe telah menyerahkan sumbangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif YFBM, Ab Wahab Long di ibu pejabat AMB di Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut mengenai 'Kongsi Resipi, Kongsi Rezeki', Abe berkata, orang ramai berpeluang memenangi hadiah bernilai sehingga RM20,000 dengan mengikuti tiga langkah mudah iaitu follow dan like laman Facebook Hi Ajinomoto.

"Langkah kedua dengan mengambil gambar dan berkongsi hidangan raya yang menggunakan produk AMB dan langkah ketiga ialah tag Facebook Hi Ajinomoto dan tanda pagar #hiajinomoto #Kongsiresipikongsirezeki #Ajinomotoraya2021," katanya.

Menurutnya, peraduan itu berlangsung bermula 15 April hingga 30 Mei 2021. Pengumuman pemenang akan dibuat setiap minggu di laman Facebook Hi Ajinomoto.

"AMB juga menawarkan pek bundle raya yang eksklusif di kedai perdana mereka di Shopee dan Lazada. Pek bundle raya hanya akan ditawarkan sehingga 30 Mei 2021.

"AMB berharap semua orang akan dapat menikmati perayaan pada tahun ini dengan menyediakan hidangan yang lazat dan kekal selamat sepanjang tempoh pandemik ini," katanya.



Abe (kanan) menyerahkan sumbangan cek RM20,000 kepada Ab Wahab di ibu pejabat AMB di Kuala Lumpur.